

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash

Profesor Madya Norudin Mansor: Dalam Kenangan (2)

Profesor Dr. Azman Che Mat
Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu



Pada suatu ketika, kegiatan pelajar UiTM khasnya di luar kelas, banyak dijalankan di luar kampus. Saya masih teringat bagaimana PM Norudin juga seorang pendidik yang sangat rapat dengan para pelajar. Di pejabat beliau, saya melihat banyak projek-projek pelajar yang diselia beliau tersusun rapi. Kerap kali apabila saya sempat mengunjungi pejabat beliau, ada sahaja pelajar yang bertandang mendapatkan nasihat, berbincang dan merancang. Dua program pelajar yang saya ikuti di bawah bimbingan beliau ialah pertama, program khidmat masyarakat di Pasir Raja Dungun dan kedua, Pulau Redang, Setiu.

Seperti yang saya ceritakan dalam siri yang lalu, selain giat menulis dan membenteng kertas kerja di konferen, PM Norudin juga aktif dengan aktiviti pelajar di luar kampus. Program kemasyarakatan di Pasir Raja telah dianjurkan selama 2 hari 1 malam. Sebaik sahaja kami sampai di rumah penginapan yang merupakan rumah tamu, masing-masing diberikan bilik dan juga katil yang agak selesa. Petang itu juga, beberapa aktiviti sukan rakyat dianjurkan seperti membaling botol mineral dan buah kelapa. Semua pelajar terlibat untuk sesi yang dipanggil sebagai sesi 'Ice breaking'. Jumlah pelajar dan pensyarah pengiring sekitar 40 orang. Pada malamnya, ada pengisian lain pula. Selain saya, Dr. Kamarudin (kini bertugas di UiTM Cawangan Kedah) juga turut serta. Beliau juga dilihat sangat cekap mengendalikan aktiviti pelajar. Keesokan harinya, bermulalah gotong-royong membersihkan masjid di kampung Pasir Raja. Dikala pelajar-pelajar ini sedang bertugas, PM Norudin pula sempat berbicara dengan ketua kampung mengenai perihal aktiviti yang berkaitan kerjasama dengan AADK. Selepas itu, barulah saya mendapat tahu

bahawa PM Norudin juga merupakan figura di AADK Terengganu.

Program kedua yang diadakan di Pulau Redang juga menarik. Lokasi penginapan kami agak terasing daripada tempat penginapan yang lain. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan pada setiap waktu lebih bebas dan privasi. Cara dan kaedah yang digunakan oleh PM Norudin untuk membimbing pelajar menjadikan aktiviti yang dijalankan berjalan lancar. Tiada masalah yang berlaku sepanjang program ini berlangsung walaupun program di pulau ini jauh daripada kemudahan awam. Setiap elemen didalam aktiviti yang dijalankan oleh PM Norudin banyak berpaksikan kepada gaya hidup bebas dadah. Maka inilah yang dapat saya perhatikan berkenaan dengan falsafah dan visi kegiatan pelajar yang dibimbing oleh beliau. Meskipun corak penganjuran aktiviti pelajar sudah berubah, sebagai pendidik UiTM, falsafah dan visi yang jelas dalam setiap aktiviti pasti membantu pembangunan sahsiah pelajar. PM Norudin telah berjaya membawa citra ini dalam kegiatan pelajar yang dibimbingnya.



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com